

Naib Canselor UPM santuni pelajar UPM keluarga B40

Berita Utama - 2



Sebelas aspirasi digariskan dalam Naratif Naib Canselor 2022

Fokus - 3



Aspiration for Green Campus and Sustainable Green Practices

Expert Point of View



Unreasonable to doubt graduate qualities based on graduate numbers only – Tuanku Chancellor

By: Azman Zakaria

Photo by: Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, March 19 : Universiti Putra Malaysia (UPM) Tuanku Chancellor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, said it is unreasonable for anyone to doubt the quality of UPM graduates based solely on the number of graduates.

His Royal Highness said he was confident that the graduates produced by UPM were superior and of high quality.

His Royal Highness added that they were guided by lecturers with integrity through an improved academic system.

"UPM always ensures all its graduates are of quality as required," said His Royal Highness in Session 1, 45th UPM Convocation Ceremony, at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Culture and Arts Centre, UPM, here today.

A total of 6,142 graduates, comprising 484 recipients of the Doctor of Philosophy's (PhD) degrees, 1,611 Master's degrees, 3,564 Bachelor's degrees, and 483 Diplomas, received their scrolls at the Convocation Ceremony, which was held for six days.

While congratulating the graduates' parents on the success of their children, His Royal Highness also thanked them for the trust given by choosing UPM as their preferred study destination.

His Royal Highness said graduates should be grateful for the blessings and advantages they have as UPM graduates, and he urged them to continue to uphold the dignity of parents, families and the country to a higher level with the knowledge learnt and be

responsible citizens with integrity.

His Royal Highness said the university's role was not only to provide youths or graduates who could meet the job market but also to equip them with the skills needed to become active, responsible, civilised, trustworthy, and uphold humanely living standards.

"The success achieved is not only in terms of academics but also the personality of the graduates," he said.

His Royal Highness hoped the UPM Strategic Plan 2021-2025, launched in December last year, would be able to strengthen UPM's position and role as a "Tower of Knowledge" and further plan for a more glorious future for UPM. – UPM



UPM Vice-Chancellor pays courtesy call on His Excellency Yang di-Pertua Negeri of Melaka

By: INSPEM, UPM

Photo by: Mohammad Izrul Abdul Jabar

MELAKA, Feb 9 – Universiti Putra Malaysia (UPM) Vice-Chancellor, Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman, has paid a courtesy visit to His Excellency the Yang di-Pertua Negeri of Melaka, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam, at the Office of His Excellency the Yang di-Pertua Negeri of Melaka here.

Researchers from the Institute for Mathematical Research (INSPEM) who joined the visit were the Director, Prof. Dr. Muhammad Reza Dato' Kamel Ariffin; Head of the Laboratory of Ethnomathematics and Didactics (LED), Prof. Dr. Rohaidah Kamaruddin; LED Science Officer, Dr. Mohd Rohaizat Abdul Wahab, and INSPEM Publication Officer, Norazlida Aminuddin.

The purpose of the visit was to obtain the consent of His Excellency the Yang di-Pertua Negeri of Melaka for the proposed research and construction of the Mendam Berahi vessel in Melaka.

The Mendam Berahi vessel, a ship recorded in an old Malay manuscript, Hikayat Hang Tuah, will be used as the



main reference in the building of the Mendam Berahi vessel's blueprint.

The Ethnomathematics and Didactics Laboratory, INSPEM, will ensure that the actual calculations and measurements of the Mendam Berahi vessel in the old manuscript are translated as accurately as possible into the modern metric system.

The proposed construction is also to make the Mendam Berahi vessel an iconic and main attraction of the tourism industry in Melaka.

The courtesy visit was also attended by those who agreed to fund the research and construction. His Excellency the Yang di-Pertua Negeri of Melaka supported the effort.

The bilateral meeting also discussed the strategic cooperation that can be forged between the Melaka State Government and UPM on various issues. At the end of the meeting, His Excellency the Yang di-Pertua Negeri of Melaka expressed interest in paying a visit to UPM. – UPM

UPM participates in exhibition booth at 'Jom Masuk IPT' programme in conjunction with Keluarga Malaysia MOHE Carnival

By: Noor Eszereen Juferi

Photo by: Saleha Haron

BATU PAHAT, Feb 18 – Universiti Putra Malaysia (UPM) has participated in the exhibition booth at 'Jom Masuk IPT' programme in conjunction with Keluarga Malaysia MOHE Carnival that was officiated by Prime Minister, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, at MARA Junior Science College (MRSM) Batu Pahat here.

Prime Minister and Higher Education Minister, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, also visited UPM's booth that exhibited and promoted study programmes offered in UPM Serdang Campus and Bintulu Campus, Sarawak.

UPM also organised the Women Cancer Awareness Exhibition (Cervical Cancer) and Demonstration of Breast Self-Examination at Putra Outreach Bus, Medical Checkups, and Briefings on Stroke Treatment and Dietary Advice conducted by UPM Teaching Hospital (HUPM).

Also present were Johor's Chief Minister, Dato' Hasni Mohammad, MOHE Secretary-General, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; MoHE Deputy Secretary-General (Management and Development), Dr. Mohd Zabri Yusoff;



UPM Vice-Chancellor, Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman; Deputy Director (Management) HPUPM, Mohd Nazri Md Yasin, and Division of Academic Governance, UPM, Mohd Firdaus Zakaria.

The programme was organised to promote the involvement of MOHE and Higher Education Institutions (IPTs) and ensure the community able to understand and appreciate the concept of Keluarga Malaysia (Malaysian Family). – UPM

NOTA KETUA EDITOR

Tahun 2022 menyaksikan perubahan demi kesinambungan. Negara beransur beralih ke fasa endemik selepas dua tahun berada dalam era pandemik COVID-19. Dalam konteks UPM, kelangsungan dan peranan sebagai Menara Ilmu diperteguhkan lagi dengan 11 aspirasi Naratif Canselor demi pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

Sebagai sebuah universiti penyelidikan terkemuka dan paling lestari di negara, reputasi UPM mengundangi kerjasama pelbagai pihak. Keteguhan UPM

sebagai kampus hijau mendapat sokongan pihak luar seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) bagi pemasangan solar terbesar di universiti awam.

Terkini, kunjungan Tuan Yang Terutama Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.), Haji Mohd Ali Mohd Rustam ke UPM telah membuka banyak kerjasama khususnya dalam aspek pertanian pintar dan keselamatan makanan.

Pada 17 Mac 2022 lalu, bertempat di Balai Agung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan, Negeri Pahang

Darul Makmur, telah berlangsungnya istiadat pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dengan limpah perkenan dan sukacitanya mengurniakan Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - Peringkat Kedua Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) yang membawa

gelaran Dato' kepada Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Mohd Roslan bin Sulaiman, Naib Canselor UPM.

Pada kesempatan ini, Sidang Redaksi Tribun Putra mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Naib Canselor atas penganugerahan ini. Akhir kata, selamat berpuasa dan selamat menyambut Hari Raya Aidil Fitri diucapkan kepada semua pembaca Tribun Putra khususnya dan warga UPM amnya. Maaf Zahir dan Batin.



Naib Canselor UPM santuni pelajar UPM keluarga B40

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto oleh: Saleha Haron



BATU PAHAT, 18 Feb - Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman menyantuni pelajar Bacelor Sains Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), UPM, Nur Sara Mohd Sani yang juga pelajar keluarga B40, di sini.

Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan menyampaikan sumbangan laptop, wang tunai RM200 dan kotak makanan keperluan harian.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu.

Nur Sara berkata beliau sangat bersyukur dan berterima kasih kepada UPM atas sumbangan yang diberi.

"Sumbangan ini dapat membantu saya dan saya akan memanfaatkan sumbangan ini untuk kegunaan pengajian saya," katanya.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM, Nuruliman Ibrahim berkata program itu merupakan salah satu inisiatif membantu pelajar UPM B40 di seluruh Malaysia.

"Dengan ada bantuan ini kami berharap ia sedikit sebanyak membantu pelajar UPM keluarga B40 untuk mereka terus maju dalam pengajian," katanya.

Sementara itu, lima pelajar UPM keluarga B40 di daerah Batu Pahat, Johor turut menerima bantuan dari BHEP UPM. - UPM



UPM - TNB - GSPARX Sdn Bhd jalin kerjasama bagi projek Rooftop Solar Photovoltaic

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 6 Jan - Universiti Putra Malaysia (UPM) - Tenaga Nasional Berhad (TNB) - GSPARX Sdn. Bhd. menandatangani Perjanjian Supply Agreement with Renewable Energy Jalin kerjasama bagi projek rooftop sistem solar photovoltaic (PV) terbesar IPTA.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dato' Seri Abdul Razak Jaafar dan Pengerusi LPU UPM, Dato' Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail hadir menyaksikan sesi menandatangani perjanjian itu. Turut hadir, Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin dan Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata pelaksanaan projek solar PV itu merupakan projek pemasangan sistem solar roof-top terbesar dalam kalangan universiti awam.

"UPM turut menjadi perintis untuk pemasangan solar panel di atas tasik yang dikenali sebagai

AQUAVOLTAICS yang merupakan the First Large Scale Integrated Hydroponic-Aquavoltaic project cum Eco-Tourism in the World," katanya.

Tambah beliau, ini adalah seiring dengan hala tuju universiti menerusi Pelan Strategi UPM 2021-2025 yang menekankan elemen kelestarian penyelidikan dan inovasi serta pengukuhan jaringan industri dan masyarakat.

"UPM sebagai universiti paling lestari di Malaysia selama 12 tahun berturut-turut dalam UI-GreenMetric World University Ranking 2021 akan terus komited dalam mendukung usaha kelestarian," katanya.

Sementara itu, pemasangan sistem solar di 16 tapak termasuk masjid, parkir solat serta tasik tanpa kos pendahuluan dan sistem solar berkapasiti 16.18 MWp dijangka menjimatkan RM114 juta bil elektrik dalam tempoh 25 tahun.

Kerjasama pemasangan panel solar di jangka siap pada Julai 2022. - UPM

Kos harga makanan naik, punca harga ayam naik

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

Foto Oleh: Mozaid Idris



SERDANG, 25 Mac - Harga ayam di pasaran naik berpunca kos bahan makanan ayam naik mendadak kata pakar Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Sidang Media "Lima Strategi Tangani Kenaikan Harga Ayam" di sini.

Pakar Ternakan Ayam daripada Fakulti Pertanian, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus berkata, harga ayam naik berikutan kenaikan kos makanan ayam daripada bahan utama makanan ayam iaitu jagung dan mil kacang soya.

"Ini kerana 80% bahan makanan ayam seperti jagung dan mil kacang soya diimport menyebabkan harga makanan ayam akan naik bergantung kepada pasaran dunia jagung dan kacang soya.

Tambah beliau, bagi mengatasi masalah harga ayam naik disebabkan makanan ayam, terdapat cadangan daripada pakar UPM untuk mengatasi masalah ini.

"Dengan menggunakan hampas Isi Rong Kelapa Sawit (PKC) sebagai sebahagian makanan ayam agar dapat mengurangkan kos penggunaan jagung," katanya.

Prof. Dato' Dr. Zulkifli berkata, ayam turut memerlukan vitamin dan mineral dalam diet pemakanannya iaitu dari serat kacang soya. Namun negara kita tiada sumber kacang soya dan perlu diimport dari negara luar.

"Tanpa vitamin tulang ayam akan menjadi rapuh dan bagi mengatasi masalah ini

" Dengan menggunakan hampas Isi Rong Kelapa Sawit (PKC) sebagai sebahagian makanan ayam agar dapat mengurangkan kos penggunaan jagung, "

disarankan untuk menggunakan larva serangga black soldier fly (BSF) dalam dedak ayam menggantikan penggunaan kacang soya sebagai makanan ayam bagi mengurangkan kebergantungan barang import," katanya.

Beliau berkata BSF adalah sangat mesra alam untuk dijadikan sebagai bahan pengganti kacang soya kerana ia boleh mengurangkan karbon, air dan gas rumah hijau.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr M Nasir Shamsudin turut hadir memberikan pandangan pada Sidang Media "Lima Strategi Tangani Kenaikan Harga Ayam". - UPM

Sebelas aspirasi digariskan dalam Naratif Naib Canselor 2022

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG, 11 Feb – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menggariskan 11 aspirasi dalam Naratif Naib Canselor 2022 dan meminta semua warga UPM menghayati serta melaksanakannya, dan berharap tahun 2022 akan dilalui dengan semangat lebih membara dan bingkis mendepani cabaran dengan keberanian.

Aspirasi itu ialah Menakhoda Pertanian dan Pusat Rujukan Pengembangan, Melahirkan Pelajar Sebagai Sosok Warganegara Yang Baik, Merealisasikan Kampus Pintar, Memartabatkan Penyelidikan Untuk Negara, Menjuarai Misi Universiti Untuk Masyarakat, Merancang UPM Global, Mengekalkan Reputasi UPM Sebagai Universiti Paling Lestari, Memugar Cakna Menjulung Bakti,

Memperhebat Prakarsa Kesejahteraan Kampus, Membingkas Pendanaan Universiti, dan Melibatsama Alumni Untuk Kelangsungan Universiti.

Katanya, Naratif Naib Canselor tahun ini yang merupakan kesinambungan daripada naratif tahun lalu yang menyeru warga UPM mengemuka seruan al-Falah dari menara ilmu, perlu direalisasikan ke dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan pada tahun ini.

“Saya menyeru warga UPM untuk bersama ‘Sederap Melangkah Menuju al-Falah.’ Ayuhlah kita bersama menyinsing lengan menunaikan harapan masyarakat yang disandang di bahu kita,” katanya ketika berucap pada majlis Naratif Naib Canselor 2022 di sini.

Beliau berkata, pada tahun ini UPM akan memberi fokus kepada program-program yang dirancang oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menyokong pencapaian sasaran Pelan Strategik UPM 2021–2025, khususnya aspek pertanian berteknologi tinggi, pendigitalan kampus pintar serta program yang menyumbang kepada kelestarian institusi mapan. – UPM

Pelajar UPM Naib Juara program keusahawanan Taikun Muda

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin



KUALA LUMPUR, 31 Mac – Pelajar Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM, Adlina Jamaludin berjaya memenangi Naib Juara dalam Taikun Muda iaitu program keusahawanan terbitan TV Al-Hijrah dan membawa pulang RM20,000 beserta sijil dan trofi yang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Adlina berkata, beliau tidak percaya berjaya memperoleh tempat kedua

dalam program keusahawanan Taikun Muda kerana saingan yang agak sengit dari universiti tempatan yang lain.

“Saya rasa terharu dengan usaha saya yang sangat membuahkan hasil sehingga berjaya mendapat tempat kedua dan program perniagaan bimbingan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), UPM banyak membantu saya untuk

menjadi usahawan yang berjaya,” katanya.

Program rancangan realiti diadakan atas inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bertujuan bagi membuka peluang kepada 11 usahawan pelajar daripada pelbagai universiti awam dibimbing serta bersaing dalam merebut geran perniagaan bernilai RM50,000. – UPM

UPM akan terus memperkasakan Program Pendidikan dan Pertanian Putra

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Foto oleh: Sabri Omar



PONTIAN, 26 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan terus melaksanakan dan memperkasakan lagi Program Pendidikan dan Pertanian agar perkongsian kepakaran yang ada di UPM dapat diberikan kepada semua masyarakat.

Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd. Roslan Sulaiman berkata program yang telah dilakukan di Kampung Sungai Bunyi, Pontian, Johor selama tiga hari bermula 24 Mac sehingga 26 Mac 2022 itu tidak akan terhenti di situ sahaja.

“Kita akan laksanakan ia secara berterusan dan bergerak ke seluruh negara. Kita mahu berkongsi dengan masyarakat daripada menara ilmu kepada masyarakat setempat tentang

ilmu kepakaran yang kita ada. Itulah tujuan kita, berkongsi ilmu.”

“Hari ini kita kongsi kepakaran pertanian dan kita juga ada kepakaran yang lain. Kita perlu tingkatkan lagi kesedaran pertanian ini sejak di peringkat rendah lagi kerana orang selalu ingat pertanian ini untuk orang-orang yang kurang mampu tapi sebenarnya pertanian adalah kekayaan,” katanya.

Jelasnya lagi, selain berkongsi kepakaran pertanian, UPM juga mempunyai kumpulan-kumpulan yang bergerak ke sekolah-sekolah untuk memberitahu murid-murid berkenaan program yang ditawarkan di



“ Hari ini kita kongsi kepakaran pertanian dan kita juga ada kepakaran yang lain. Kita perlu tingkatkan lagi kesedaran pertanian ini sejak di peringkat rendah lagi kerana orang selalu ingat pertanian ini untuk orang-orang yang kurang mampu tapi sebenarnya pertanian adalah kekayaan,”



UPM bagi mereka menyambung pelajaran setelah tamat persekolahan nanti.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi merangkap Ahli Parlimen Tanjung Piai, Dato' Sri Dr. Wee Jock Seng yang merasmikan penutupan program tersebut berkata program ini menjadi medan perkongsian ilmu yang diterjemahkan di lapangan bersama masyarakat tani.

“Inisiatif yang diambil oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kawasan 6, Kampung Sungai Bunyi bersama pihak Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM menganjurkan program ini amat dihargai kerana ianya melaksanakan pemindahan ilmu diantara pihak UPM dengan masyarakat setempat.

“Saya berharap matlamat untuk mempertingkatkan sosioekonomi penduduk setempat akan dapat dicapai terutama melibatkan aspek kemahiran pertanian,



pembelajaran berterusan serta penajanaan pemikiran yang kreatif dan inovatif,” jelasnya.

Dalam pada itu, sepanjang program itu berlangsung terdapat banyak perkongsian ilmu daripada pakar UPM yang turun ke lapangan berjumpa dengan masyarakat bagi berkongsi kepakaran masing-masing dan memberi cadangan menyelesaikan masalah pertanian para petani.

– UPM



Naratif Naib Canselor 2022 tawar 11 Aspirasi Menuju al-Falah

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari dan Nur Syamila Kamarul Arefin

Peranan UPM sebagai sebuah Menara Ilmu yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat diperteguhkan lagi dengan 11 aspirasi Naratif Naib Canselor oleh Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Mohd Roslan Sulaiman. Aspirasi ini turut menyokong pelaksanaan Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang membingkas duduk letak UPM seiring dengan visi dan misi penubuhannya.

Naratif Naib Canselor 2022 meneruskan iltizam dalam naratif sebelum ini bagi memastikan peranan UPM melangkaui 'pagar' kampus. Bersandarkan konsep al-Falah, universiti berusaha menterjemahkan kecemerlangan dalam erti kata sebenar yang melihat pencapaian secara holistik.



bimbingan yang akan diterajui oleh para profesor di setiap fakulti yang mampu untuk meningkatkan kompetensi pensyarah muda dalam kemahiran dan penyelidikan inovasi.

Sumbangan penyelidikan UPM untuk negara diperkasakan lagi dengan peranan UPM Kampus Bintulu dalam konteks pembangunan wilayah. Dalam hal ini, UPM dipilih sebagai Hab Penyelidikan Hutan Sarawak melalui kerjasama dengan Jabatan Hutan Sarawak, sebanyak RM10.95 juta dana penyelidikan telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada UPMKB untuk melaksanakan kerjasama dengan penyelidikan hutan.

5 Menjuarai misi universiti untuk masyarakat

Selari dengan seruan Sederap melangkah Menuju al-Falah, UPM akan terus memperkukuh jaringan industri dan masyarakat bagi menjuarai misi universiti untuk masyarakat dan aktiviti pengembangan ialah salah satu cara untuk mendekatkan UPM dengan masyarakat.

Bas Pengembangan Putra akan dinaik taraf serta ditambah baik dari segi penampilan, struktur badan bas dan kemudahan memandangkan bas tersebut digunakan sebagai platform hebahan kepada masyarakat atau komuniti luar tentang kepakaran, ilmu yang dimiliki oleh pihak universiti dan juga hasil kajian yang telah dijanakan.

6 Merencanakan UPM Global

UPM berhasrat untuk merencanakan lagi mobiliti dengan jalinan strategik pengantarabangsaan yang diperkukuh dengan pelaksanaan MoU dan MoA, sekaligus membantu peningkatan kedudukan universiti. Perlaksanaan MoU dan MoA telah memberikan impak seperti meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar melalui aktiviti mobiliti antarabangsa yang mewujudkan kerjasama strategik dalam pelbagai skop antara penyelidik UPM dengan penyelidik antarabangsa, terutamanya melalui mobiliti staf, membantu meningkatkan bilangan penyelidikan dan penerbitan dan meningkatkan visibiliti UPM pada peringkat antarabangsa, sekaligus membantu peningkatan kedudukan universiti.

Seiring dengan norma baharu, UPM memperkenalkan pelaksanaan e-MoU/MoA bagi memudahkan lagi urusan antara pihak yang terlibat dalam Kerjasama strategik ini.

7 Mengekalkan UPM sebagai universiti paling lestari

Pengiktirafan UPM dalam UI-GreenMetric World University Rankings sebagai universiti paling lestari di Malaysia untuk tempoh 12 tahun berturut-turut membuktikan bahawa universiti sebuah institusi yang berdaya saing.



UPM juga telah bersetuju untuk membangunkan Pelan Struktur dan Tindakan Pembangunan Hijau dan Lestari UPM pada tahun ini dan diguna pakai mulai 2023 yang akan diterajui oleh Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina bagi mendukung Polisi Kelestarian UPM.

8 Memugar cakna menjulang bakti

Putra Bakti ialah jenama semua aktiviti kesukarelawanan yang dilakukan oleh warga UPM bagi mencapai misi kemanusiaan. Kini ia diperteguhkan dengan inisiatif Putra Cakna yang menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang memerlukan terutamanya ketika COVID-19 dan musibah banjir yang berlaku baru-baru ini.

Bakti UPM bukan sekadar sesama manusia namun kebajikan haiwan turut dijaga apabila Fakulti Perubatan Veterinar, UPM bekerjasama dengan Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA), Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) dan Jabatan Veterinar Selangor yang telah menjalankan misi kecemasan dan perubatan untuk membantu haiwan yang terkesan dengan banjir.

9 Memperhebat prakarsa kesejahteraan kampus

Pemantapan ke arah kesejahteraan warga kampus dilaksanakan dengan Bancian Suara Hati Putra bagi mendapatkan maklum balas warga UPM berkaitan ekosistem kerja dan peluang pembangunan kerjaya mereka.

Usaha murni ini diteruskan melalui Indeks Kesejahteraan UPM 2021 bagi tujuan mengukur kesejahteraan warga UPM untuk dijadikan sebagai rujukan pihak berkepentingan UPM dalam merencanakan program dan inisiatif yang mampu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif di kampus Serdang dan Bintulu. Antara cadangan yang diusahakan ialah meminda peraturan kehadiran pegawai akademik di universiti.

10 Membingkas pendanaan universiti

UPM memulakan usaha pendanaan strategik melalui projek Putra Medical City yang meliputi kawasan lebih 86 ekar. Projek ini meliputi kemudahan seperti pusat pemulihan perubatan, makmal penyelidikan dan pembangunan, kawasan kediaman, sukan dan rekreasi, hotel dan ruang-ruang perniagaan lain.

Kelestarian pendanaan UPM akan diperkasakan lagi melalui aktiviti penjualan gold bar UPM yang diperkenalkan pada Ogos 2021 di bawah Pusat Perhubungan Alumni dengan kerjasama Pejabat Bursar UPM.



11 Melibat sama Alumni untuk kelangsungan universiti

Alumni UPM juga dilibatkan untuk berbakti kepada UPM menerusi sumbangan kepakaran dan idea terhadap kurikulum program pengajian agar program pengajian UPM terus relevan dengan pasaran kerja selain mewujudkan tajaan biasiswa dan bantuan-bantuan kepada pelajar UPM.

Justeru, pembinaan Sistem Maklumat Alumni (AIS) bertepatan dalam mencapai hasrat tersebut. Portal ini dibangunkan oleh Pusat Perhubungan Alumni dengan kerjasama IDEC bertujuan mengumpulkan dan mengemaskini data dan profil alumni UPM selain menjadi rangkaian hubungan memperkukuhkan jalinan sesama mereka.

Kesimpulannya, 11 aspirasi yang telah ditawarkan oleh Naib Canselor kepada semua warga UPM bertepatan dengan boleh dilaksanakan dengan jayanya dan aspirasi ini tidak akan tercapai tanpa sokongan semua pihak selari dengan tema naratif pada tahun ini Sederap Melangkah Menuju Al-Falah. - UPM

“Naratif Naib Canselor 2022 meneruskan iltizam dalam naratif sebelum ini bagi memastikan peranan UPM melangkaui 'pagar' kampus. Bersandarkan konsep al-Falah, universiti berusaha menterjemahkan kecemerlangan dalam erti kata sebenar yang melihat pencapaian secara holistik.”



1 Menakhoda pertanian dan pusat rujukan pengembangan

UPM terus memberikan fokus dalam usaha memacu pertanian berteknologi tinggi atau pertanian pintar secara holistik, iaitu melalui penyelidikan, pengembangan serta pengajaran dan pembelajaran. Seiring dengan pertanian sebagai kebitaraan universiti, UPM bakal menawarkan Program Bachelor Teknologi Pertanian Pintar bermula Semester 1, Sesi 2022/2023. Program ini memperoleh akreditasi daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan akan ditawarkan dalam Mod Pelbagai Mod Kerja Kursus dan Mod Industri).

2 Melahirkan pelajar sebagai sosok warganegara yang baik

UPM bukan hanya melahirkan insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, tetapi sosok warganegara yang unggul melalui penyertaan pelajar dalam berpolitik dan aktiviti kesukarelawan. Apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dipinda dan Undi18 berkuatkuasa, UPM meraikan kebebasan berpolitik pelajar dengan kebijaksanaan. UPM melalui Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) telah menubuhkan Unit Literasi dan Advokasi Politik atau ADVOKASI untuk menjalankan kajian dan advokasi mengenai pendidikan politik dalam kalangan belia dan pengundi muda.

Selain itu, UPM telah mengorak langkah kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mewujudkan Bridged Rela Siswa Siswi (RELASIS) UPM.

3 Merealisasikan kampus pintar

Antara inisiatif yang dilakukan bagi merealisasikan kampus pintar, UPM dengan beberapa inisiatif pendigitalan dalam pengurusan pentadbiran dan penyampaian di kampus ialah Smart Putra VID, Smart Putra Bus dan Smart Putra Voting iaitu pengundian secara 'mobile apps' untuk pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 2020/2022 bagi membolehkan undi di hujung jari dan berteknologi.

Aplikasi Mobile Apps Smart Putra Staf yang telah dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Aplikasi, iDec. Aplikasi ini membolehkan semua staf UPM mengurus selia urusan cuti, perakawan waktu, slip gaji, penilaian risiko COVID19 dan pelbagai kemudahan berkaitan keperluan staf melalui telefon Android atau iOS.


4 Martabatkan penyelidikan untuk negara

Budaya penyelidikan dalam kalangan penyelidik muda juga boleh disuburkan dengan pembangunan mentor dan



11 Aspirasi Naib Canselor 2022

"Sederap Melangkah Menuju al-Falah"



1 MENAKHODA PERTANIAN DAN PUSAT RUJUKAN PENGEMBANGAN

UPM memberikan fokus pada usaha memacu pertanian berteknologi tinggi atau pertanian pintar untuk menghasilkan pengeluaran pertanian yang lebih produktif dan mampan berdasarkan pendekatan yang lebih tepat dan cekap.

2 MELAHIRKAN PELAJAR SEBAGAI SOSOK WARGANEGARA YANG BAIK



UPM bukan hanya melahirkan pelajar sebagai insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, tetapi warganegara unggul melalui kebebasan berpolitik dan aktiviti kesukarelawan.



3 MEREALISASIKAN KAMPUS PINTAR

Antara aplikasi yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Aplikasi, iDec ialah Mobile Apps Smart Putra yang membolehkan semua staf UPM mengurus selia urusan cuti, perakam waktu, slip gaji, penilaian risiko COVID-19 dan pelbagai kemudahan berkaitan keperluan staf melalui telefon Android atau iOS.

4 MEMARTABATKAN PENYELIDIKAN NEGARA



Bagi memartabatkan penyelidikan negara, UPM menekankan ciri keusahawanan kepada penyelidik di UPM dan pembangunan wilayah yang dapat dilaksanakan oleh UPM Kampus Bintulu.



5 MENJUARAI MISI UNIVERSITI UNTUK MASYARAKAT

Warga UPM sentiasa merasai denyut nadi masyarakat dengan mendekatkan diri kepada masyarakat melalui aktiviti pembangunan. Antara inisiatifnya, Klinik Pertanian PUTRA bertujuan untuk memberikan perkhidmatan kepakaran dan khidmat nasihat pakar yang lebih pantas dan cekap.



6 MERANCAKKAN UPM GLOBAL

UPM berhasrat untuk mengekalkan mobiliti dengan jalinan strategik pengantarabangsa yang diperkukuh dengan pelaksanaan MoU dan MoA, sekali gus membantu peningkatan visibiliti universiti.



7 MENGEKALKAN REPUTASI UPM SEBAGAI UNIVERSITI PALING LESTARI

Sebagai universiti paling lestari di Malaysia dalam tempoh 12 tahun berturut-turut, agenda kampus hijau UPM akan diperkasakan dengan memiliki Sistem Solar Fotovoltai (PV) dengan kapasiti 16.18 MWp yang mampu menjimatkan RM114 juta bil elektrik universiti dalam tempoh 25 tahun.



8 MEMUGAR CAKNA UPM



Putra Bakti ialah jenama semua aktiviti kesukarelawan yang dilakukan oleh warga UPM bagi mencapai misi kemanusiaan. Kini ia diperteguhkan dengan inisiatif Putra Cakna yang menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang memerlukan semasa era pandemik Covid-19 dan musibah yang berlaku.



9 MEMPERHEBAT PRAKARSA KESEJAHTERAAN KAMPUS

